

Laporan Program Lawatan Akademik dan Kolaborasi Penyelidikan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) ke Universitas Hasanuddin (UNHAS), Makassar, Indonesia

9 – 12 Julai 2023



Kunjungan ke kediaman Rektor UNHAS

Program Lawatan Akademik dan Kolaborasi Penyelidikan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) ke Universitas Hasanuddin (UNHAS), Makassar, Indonesia telah berlangsung selama 4 hari dari 9 hingga 12 Julai 2023. Program ini telah dianjurkan oleh Fakultas Teknik, Universitas Hasanuddin (UNHAS) dan merupakan lawatan balas yang telah dilaksanakan di UTM pada November 2022 yang lalu sebagai salah satu aktiviti dalam Memorandum Persefahaman (MoU) yang telah ditandatangani oleh UTM dan UNHAS pada 1 Mac 2021 melalui Centre for Innovative Planning and Development (CIPD).

CIPD merupakan sebuah pusat penyelidikan di bawah Research Institute of Sustainable Environment (RISE), Jabatan Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi (JTNCPI). Justeru itu, Lawatan Kerja Rasmi (CIPD) ke Universitas Hasanuddin (UNHAS) ini diketuai oleh Pengarah CIPD iaitu Prof. Dr. Muhammad Zaly Shah Muhammad Hussein. Seramai 8 orang felo dan felo bersekutu penyelidik CIPD yang merupakan staf akademik dari Jabatan Perancangan Bandar dan Wilayah, Fakulti Alam Bina dan Ukur (FABU) turut menyertai program ini iaitu Prof Madya Dr. Hairul Nizam bin Ismail, Dr Zuhra Junaida Mohamad Husny, Dr Gobi Krishna Sinniah, Dr Syed Mohamad Rafy, Dr Noradila Rusli, Dr Safizahanin Mokhtar, Dr Noor Aimran Samsudin dan Dr Ak Mohamad Rafiq Ak Matusin dan Pegawai Penyelidik Sosial CIPD iaitu Azilah binti Mohamed Akil. Fokus lawatan ini adalah untuk meningkatkan kerjasama di antara kedua-dua institusi melalui kolaborasi penerbitan dan penyelidikan.

Pada 9 Julai 2023, lawatan ini telah dimulai dengan Majlis Jamuan Makan Malam bersama Rektor UNHAS iaitu Prof. Dr. Ir. Jamaluddin Jompa, M.Sc. dan diiringi Prof Dr Isran Ramli (Dekan Fakultas Teknik, UNHAS). Majlis ini diadakan bagi menyambut kedatangan delegasi UTM ke UNHAS dan



bertempat di kediaman rasmi Rektor UNHAS. Kedua-dua pihak telah berbincang tentang strategi kolaborasi di antara kedua universiti melalui bidang yang berpotensi untuk berkerjasama bagi meningkatkan kemampuan penyelidik-penyelidik dari kedua-dua institusi yang dapat menjalin hubungan yang lebih erat kerjasama di antara UTM dan UNHAS.

Lawatan sekitar Kota Makassar

Pada hari kedua, Isnin, 10 Julai 2023, delegasi UTM telah dibawa melawat kawasan sekitar Bandar Makassar meliputi tempat-tempat tarikan pelancong seperti kawasan penambakan iaitu Sunset Quay, Lego-lego, Masjid 99 Kubah dan tempat bersejarah zaman kesultanan Sultan Hasanuddin iaitu Fort Rotterdam. Fort Rotterdam ini merupakan kubu pertahanan yang telah dibina oleh penjajah Belanda pada zaman itu. Dalam kawasan ini terdapat muzium, pejabat dan bekas penjara. Di dalam muzium mempamerkan sejarah Kesultanan Sultan Hasanuddin antaranya adalah senjata-senjata peninggalan peperangan dan model pelan pembangunan bandar Makassar yang dulu dikenali sebagai Ujung Padang sekitar tahun 1660an.



Rajah 2: Pembangunan sekitar kawasan penambakan terdapat Sunset Quay dan Mesjid 99



Rajah 3: Sekitar kawasan Fort Rotterdam, Makassar

Lawatan tapak projek lebuhraya bertingkat



Disamping itu, pihak UNHAS telah membawa delegasi UTM melawat tapak projek lebuhraya bertingkat yang menghubungkan Tol Reformasi Makassar (Tol JTSE) Kawasan Perindustrian Makassar (Kima) ke Pelabuhan Laut Makassar New Port (MNP). Panjang lebuh raya ini adalah 3.2 kilometer. Projek ini sedang dijalankan oleh WIKA (PT Wijaya Karya (Persero) Tbk) dan dijangka akan selesai pada september 2023. Dengan pembangunan projek ini, ia diharapkan akan meningkatkan ekonomi, infrastruktur dan sistem pengangkutan bagi penduduk di Makassar.



Rajah 4: Taklimat dan lawatan Projek Lebuhraya Bertingkat yang menghubungkan Bandara (lapangan terbang) ke Makassar New Port (MNP)

Kolaborasi Akademik Antarabangsa



Pada 11 Julai 2023, satu kolokium Kolaborasi Akademik Internasional telah berlangsung di Dewan Pameran (Exhibition Hall), Bangunan Centre of Tecnology, yang terletak di Kampus Baru UNHAS, Gowa, Makassar. Program ini telah dimulai dengan ucapan perasmian oleh Prof. Dr. Eng. Ir. Adi Maulana, ST., M.Phil. (Timbalan Rektor IV UNHAS). Sejurus selepas itu, Dekan Fakultas Teknik iaitu Prof Dr. Eng. Ir. Muhammad Isran Ramli ST., MT., IPM., AER dan Pengarah Centre for Innovative Planning and Development, Prof Dr Muhammad Zaly Shah Muhammad Hussein telah menyampaikan ucapan alu-aluan bagi maglis tersebut.

Rajah 5: Gambar berkumpulan (*group photo*) selepas sesi kolokium hari pertama



Sesi seterusnya adalah perkongsian kerja atau hasil penyelidikan daripada pembentang jemputan dari UTM yang terdiri daripada Prof Madya Dr Hairul Nizam Ismail dan Dr Safizahanin Mokhtar mewakili CIPD. Manakala dari pihak UNHAS diwakili oleh Ir. Abdul Mufti Radja, S.T., M.T., Ph.D. dan Prof. Ir. Sakti Adji Adisasmita, M.Eng. Sc., PhD., IPU. Antara topik utama dalam bidang perancangan bandar yang dibincangkan bagi sesi ini berkenaan isu-isu perancangan pelancongan, pembangunan kawasan hijau, pembangunan mampan dan bandar lapangan terbang. Sesi ini telah dipengerusikan oleh Dr. Eng. Ir. Bambang Bakri, ST., MT.

Rajah 6: Sekitar Dewan semasa sesi pembentangan oleh para penyelidik

Seterusnya, pada sesi petang, satu lagi sesi perkongsian penyelidikan daripada UTM dan UNHAS telah diadakan. Di mana, seramai lima (5) orang felo penyelidik bersekutu CIPD UTM iaitu Dr Syed Muhammad Rafy Syed Jaafar, Ts Gs Dr Noradila Rusli, Ts. Dr Noor Aimran Samsudin, Dr. AK Rafiq AK Matusin, TPr. Ts. Dr. Gobi Krishna Sinniah. Manakala pembentang dari pihak UNHAS diwakili oleh Dr. Ir. Muhammad Ramli, MT., Dr. Ilham Alimuddin, S.t., M.GIS. dan Dr. Mukti Ali, ST., MT. Sesi ini telah dipengerusikan oleh Dr. Eng. Akbar Caronge, ST. M. Eng. Pelbagai bidang dan isu telah dikongsikan oleh pembentang dalam sesi ini yang merangkumi sektor perancangan bandar, pelancongan, bandar pintar, analisi data raya (*analytic big data*), alam sekitar, GIS dan pembangunan mampan serta impak sosial.



Rajah 7: Penceramah-penceramah bagi sesi Syarahan Tetamu Antarabangsa (*International Guest Lecture*)



Rajah 8: Sesi perkongsian penyelidikan (*Research Sharing*) daripada CIPD dan UNHAS



Rajah 9: Pembentang-pembentang sesi *Research Sharing* oleh Penyelidik CIPD dan UNHAS



Rajah 10: Sesi bergambar bersama pembentang-pembentang hari pertama

Selanjutnya, pada 12 Julai 2023, telah berlangsung program Perkongsian Penyelidikan oleh Intern CIPD Antarabangsa (*Research Sharing by International CIPD Intern*) iaitu Sofiane Madmar dari University of Lyon, Perancis. Beliau telah berkongsi penyelidikannya berkenaan penggunaan kaedah Biomimicry dalam rekabentuk bangunan dan perancangan bandar. Sesi ini, diakhiri dengan perbincangan potensi kolaborasi menerusi penyelidikan dan penerbitan dan dipengerusikan oleh Dr. Eng. M. Niswar, S7. M.IT. Menerusi sesi ini Prof Dr Muh. Nasrum Massi dari *Research Institute (LP)* dan *Community Service Institute (LPM)*, UNHAS. Telah membincangkan tentang potensi dan cadangan kerjasama menerusi geran padanan (*Matching grant*) diantara kedua universiti. Manakala Prof Dahlang Tahir. PhD. pula membincangkan potensi kolaborasi menerusi penerbitan. Mereka sangat kagum dengan pencapaian UTM dan khususnya pada Naib Censelor UTM yang telah berjaya menghasilkan dalam penerbitan journal berindeksi dan berimpak tinggi jumlah yang begitu banyak. Kesimpulan dari perbincangan ini, pihak UTM (CIPD) dan Fakultas Teknik, UNHAS telah bersepakat untuk mengadakan kerjasama. Dan antara aktiviti-aktiviti yang bakal dijalankan adalah penulisan kertas jurnal, kolaborasi geran padanan (*matching grant*), penyediaan dan



Rajah 11: Sesi Perkongsian Penyelidikan oleh Intern CIPD Antarabangsa (*Research Sharing by International CIPD Intern*) iaitu Sofiane Madmar dari University of Lyon, Perancis



Rajah 12: Sesi bergambar selesai perbincangan merancang kerjasama untuk *matching grant* dan penerbitan bersama UTM CIPD dan UNHAS

Akhir sekali, para delegasi UTM telah dibawa melawat ke beberapa jabatan-jabatan yang terdapat di Fakultas Teknik, UNHAS seperti Jabatan Kejuruteraan Awam, Jabatan Arkitek dan Jabatan Perancangan Bandar. Layanan dan hospitaliti yang telah diberikan kepada delegasi UTM oleh pihak UNHAS sangat baik yang mana kita di UTM perlu ambil sebagai penanda aras untuk kita perbaiki dalam menjaga hubungan kita dengan pihak luar terutamanya dalam hubungan antarabangsa.



Rajah 13: Lawatan sekitar Fakultas Sipil, UNHAS



Rajah 14: Lawatan Jabatan Perancangan Bandar dan Wilayah, Fakultas Sipil, UNHAS

Implikasi Kewangan

Secara keseluruhan implikasi kewangan vot A.J091104.6600.07060 Tabung Amanah CIPD adalah sejumlah RM7000.00 sahaja iaitu sebahagian kos tiket penerbangan untuk 7 orang peserta. Manakala kos-kos lain seperti penginapan dan tambahan kos tiket penerbangan telah ditanggung oleh peserta. Bagi kos untuk makanan dan pengangkutan di Makassar telah ditaja oleh pihak penganjur iaitu Fakultas Teknik UNHAS. Berikut adalah perincian implikasi kewangan bagi program ini:

Jadual 1: Implikasi Keseluruhan Kewangan Program

Kos dibawah Vot 07060	Kos diluluskan (RM)	Kos sebenar (RM)	Baki (RM)
Tiket penerbangan (7 pax)	7000.00	8204.92	0.00
Cenderahati	100.00	0.00	100.00
Kontijensi	500.00	0.00	500.00
Kos tanggungan peserta			
Penginapan (7 pax)	6300.00	3410.30	2889.70
Pengangkutan (7 pax)	2100.00	0.00	2100.00
Makan (7 pax)	2520.00	0.00	2520.00
Tambahan kos tiket penerbangan (7 pax)	3,500.00	1193.92	2306.08
Jumlah	22,020.00	12,809.14	9,210.86

Jadual 2 : Perincian Kos perbelanjaan tiket penerbangan di bawah tajaan vot 07060

	Nama peserta	Kos sebenar (RM)	Kos diluluskan (RM) Vot 07060	Kos yang ditanggung peserta (RM)
1	Prof Dr. Muhammad Zaly Shah	1,008.89	1000.00	8.89
2	Dr Zuhra Junaida Mohamad Husny	1,190.23	1000.00	190.23
3	Prof Madya Dr Nizam Ismail	1,172.50	1000.00	172.50
4	Dr Syed Mohamad Rafy Syed Jaafar	1,082.62	1000.00	82.62
5	Dr Gobi Krishna Sinniah	1,295.68	1000.00	295.68
6	Dr Noradila Rusli	1,227.50	1000.00	227.50
7	Azilah binti Mohamed Akil	1,227.50	1000.00	227.50
	Jumlah	8204.92	7000.00	1,204.92

Jadual 3 : Perincian Kos penginapan

	Nama peserta	Kos sebenar (RM)	Kos diluluskan (RM)	Kos yang ditanggung peserta (RM)	Catatan
1	Prof Dr. Muhammad Zaly Shah	566.30	900.00	566.30	Single
2	Dr Zuhra Junaida Mohamad Husny	316.00	900.00	316.00	Sharing
3	Prof Madya Dr Nizam Ismail	632.00	900.00	632.00	Single
4	Dr Syed Mohamad Rafy Syed Jaafar	632.00	900.00	632.00	Single
5	Dr Gobi Krishna Sinniah	632.00	900.00	632.00	Single
6	Dr Noradila Rusli	316.00	900.00	316.00	Sharing
7	Azilah binti Mohamed Akil	316.00	900.00	316.00	Sharing
	Jumlah	3,410.30	6300.00	3,410.30	

Jadual 4 : Kos lain-lain

	Perkara	Kos sebenar (RM)	Kos diluluskan (RM)	Kos yang ditanggung peserta (RM)
1	Makan	Ditanggung oleh pihak penganjur (UNHAS)	2,520.00 (360/pax)	-
2.	Pengangkutan	Ditanggung oleh pihak penganjur (UNHAS)	2100.00 (300/pax)	-
3.	Cenderahati	Ditanggung oleh CIPD	100.00	-
	Jumlah	0.00	2700.00	0.00

Disediakan oleh :

Dr Zuhra Junaida Mohamad Husny

Azilah Binti Mohamed Akil

Centre for Innovative Planning and Development

Universiti Teknologi Malaysia

31/7/2023